

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY  
[ KOTA KINABALU ]**

**SOALAN :**

**YB Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [ Kota Kinabalu ] minta PERDANA MENTERI menyatakan status terkini seluruh projek pembangunan infrastruktur seperti pembinaan jalan dan jambatan, perbekalan air bersih, perbekalan elektrik di kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah bagi projek RMK-10 mengikut daerah di Sabah.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10), sebanyak **sembilan (9) projek** bekalan air diluluskan di Sabah. Daripada jumlah tersebut sebanyak **tiga (3) projek (33.3%) Sudah Siap** manakala **enam (6) projek (66.7%) sedang dilaksanakan**. Status keseluruhan projek bekalan air di Sabah mengikut daerah adalah seperti berikut :

Bil	Daerah	Sudah Siap	Dahulu Jadual	Ikut Jadual	Lewat Jadual	Belum Mula	Dalam Perancangan	Jumlah
1	Keningau	0	1	0	0	0	0	1
2	Kinabatangan	0	0	1	0	0	0	1
3	Nabawan	1	0	0	0	0	0	1
4	Tawau	0	0	1	0	0	0	1
5	Pelbagai Daerah	2	0	3	0	0	0	5
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>3</b>	<b>1</b>	<b>5</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>9</b>

Di bawah RMKe-10 juga, sebanyak **lima (5) projek** bekalan elektrik diluluskan di Sabah. Daripada jumlah tersebut sebanyak **dua (2) projek (40%) Sudah Siap**, **dua (2) projek (40%)** adalah mengikut atau mendahului jadual manakala **satu (1) projek (20%)** adalah berstatus **Lewat Jadual**.

Status keseluruhan projek bekalan elektrik di Sabah mengikut daerah adalah seperti berikut :

Bil	Daerah	Sudah Siap	Dahulu Jadual	Ikut Jadual	Lewat Jadual	Belum Mula	Dalam Perancangan	Jumlah
1	Kota Kinabalu	0	1	0	1	0	0	2
2	Pelbagai Daerah	2	0	1	0	0	0	3
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>2</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>5</b>

Sementara itu, sebanyak **273 projek** jalan dan jambatan telah diluluskan di Negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **206 projek (75.5%) Sudah Siap**. Daripada **67 projek (24.5%)** yang belum siap, **58 projek (21.2%)** adalah mengikut atau mendahului jadual, lima (**5 projek (1.8%)**) di peringkat dalam perancangan manakala **empat (4) projek (1.5%)** adalah berstatus lewat jadual. Status projek jalan dan jambatan di Sabah mengikut daerah adalah seperti berikut:

Bil	Daerah	Sudah Siap	Dahulu Jadual	Ikut Jadual	Lewat Jadual	Belum Mula	Dalam Perancangan	Jumlah
1	Beaufort	18	0	1	0	0	0	19
2	Beluran	8	0	2	0	0	0	10
3	Keningau	9	1	0	1	0	0	11
4	Kinabatangan	4	1	1	0	0	-	6
5	Kota Belud	13	1	3	0	0	0	17
6	Kota Kinabalu	9	0	5	0	0	1	15
7	Kota Marudu	6	0	0	0	0	0	6
8	Kuala Penyu	6	0	0	0	0	0	6
9	Kudat	8	0	2	0	0	0	10
10	Kunak	5	0	0	0	0	0	5
11	Lahad Datu	5	1	3	0	0	0	9
12	Nabawan	1	0	1	0	0	1	3
13	Papar	6	0	0	0	0	0	6

Bil	Daerah	Sudah Siap	Dahulu Jadual	Ikut Jadual	Lewat Jadual	Belum Mula	Dalam Perancangan	Jumlah
14	Penampang	8	1	1	0	0	0	10
15	Pitas	5	0	-	0	0	0	5
16	Putatan	2	0	0	0	0	2	4
17	Ranau	6	0	7	0	0	0	13
18	Sandakan	20	3	9	0	0	0	32
19	Semporna	10	0	2	0	0	0	12
20	Sipitang	14	0	0	0	0	0	14
21	Sook	1	0	0	0	0	0	1
22	Tambunan	6	0	0	0	0	0	6
23	Tawau	8	0	1	0	0	0	9
24	Telupid	3	0	0	0	0	0	3
25	Tenom	6	0	2	0	0	0	8
26	Tongod	0	0	1	1	0	0	2
27	Tuaran	10	2	0	0	0	0	12
28	Pelbagai Daerah	9	2	5	2	0	1	19
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>206</b>	<b>12</b>	<b>46</b>	<b>4</b>	<b>0</b>	<b>5</b>	<b>273</b>

Sekian. Terima kasih.